

Idealisme belia penting: PM

Oleh Shariffudin Mohamed dan Sariha Mohd Ali

~~UM~~ 16 MAY 2000

KUANTAN, Isnin -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua belia di negara ini mempunyai idealisme bagi membolehkan perubahan dilakukan terhadap masyarakat pada masa depan, sekali gus mengelak mereka berada di takuk lama.

Perdana Menteri berkata, idealisme belia amat penting bagi memastikan negara terus berkembang maju, walaupun sesetengah idealisme berkenaan tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya.

Beliau berkata, generasi muda akan menjadi dewasa untuk mengambil alih pemerintahan negara dan ketika itu, idealisme mereka pada zaman muda perlu di-

bawa bersama.

Mereka perlu mencontohi idealisme belia zaman dulu yang yakin untuk mentadbir sendiri negara ini, sekali gus membebaskannya daripada penjajahan walaupun golongan tua ketika itu berpendapat Malaysia tidak mungkin bebas daripada British.

Katanya, kejayaan idealisme belia dahulu boleh dilihat apabila negara mencapai kemerdekaan dan belia hari ini perlu menjaga kemerdekaan itu dengan baik bagi mengelak negara dijajah semula dalam bentuk baru.

"Ketika menuntut kemerdekaan dulu, golongan ma tidak yakin dengan kemampuan kita mengambil alih pentadbiran

negara tetapi generasi muda tidak hiraukan sekatan itu, sebaliknya yakin boleh memajukan negara ini.

"Itulah idealisme belia ketika itu dan jika tidak, masyarakat akan kekal dengan cara lama serta melakukan perkara yang biasa dilakukan saja.

"Sebab itu, idealisme belia sangat penting. Ia boleh dilaksanakan apabila kita cuba melaksanakannya. Mungkin kita gagal atau tidak mencapai sepenuhnya tetapi tanpa idealisme belia, kita akan duduk pada takuk lama," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara 2000, di Stadium Tertutup Kompleks

Sukan Pahang (Sukpa), di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, selain mempunyai idealisme, belia juga perlu memiliki ilmu mencukupi dan nilai hidup yang baik kerana ilmu tanpa nilai mulia akan mendatangkan keburukan kepada diri, bangsa dan negara.

Ciri itu penting kerana generasi belia yang bercita-cita besar untuk mengubah masyarakat menjadi maju, tidak akan berjaya melaksanakannya jika mereka sendiri tidak mempunyai nilai baik.

"Paling penting kita mesti faham antara baik dan buruk serta bagaimana kita menapis supaya dapat yang jemih dan buang yang keruh," katanya.